

# PPM NEWS / BERITA PPM : News about Malaysian Librarians and Libraries



CONFERENCE, LIBRARIANS, LIBRARIES, LIBRARY LANDSCAPE, PPM, PTPM

## PTPM 2024: Perpustakaan dan Pustakawan Kalis Masa Hadapan Jadi Tumpuan Utama

*Oleh: Siti Azizah Md Nor, AJK Penerbitan PTPM 2024 dan Pustakawan, UIAM*

Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) 2024 yang berlangsung di Albukhary International University (AIU) telah pun melabuhkan tirainya tepat pukul 5.00 petang pada 8 Ogos 2024. Persidangan yang bermula pada 6 Ogos 2024 bertemakan “Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang” berjaya menghimpun lebih 300 peserta termasuk pustakawan, pengarah perpustakaan, dan ahli industri dari seluruh Malaysia, Indonesia serta Brunei.

Selama tiga hari persidangan, pelbagai sesi pembentangan yang membincangkan isu-isu terkini seperti transformasi digital, inovasi teknologi, serta peranan perpustakaan dalam dunia yang semakin kompleks. Antara topik utama yang mendapat perhatian adalah perkhidmatan perpustakaan, peranan pustakawan sebagai rakan kongsi strategik dalam komuniti, pengurusan repositori dan data penyelidikan serta penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam meningkatkan perkhidmatan perpustakaan.

Dalam ucapan penutupnya, Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), Dr. Ghazali Mohd Fadzil, menyatakan bahawa PTPM 2024 telah mencapai objektifnya untuk memperkukuhkan kerjasama antara pustakawan dan menggalakkan inovasi dalam perkhidmatan perpustakaan. “Persidangan ini membuka ruang untuk kita berkongsi idea, strategi, dan penyelesaian dalam memastikan perpustakaan di Malaysia kekal relevan dan mampu bersaing pada masa hadapan,” katanya.

Salah satu sorotan utama PTPM 2024 adalah sesi pra-persidangan yang diadakan pada 5 Ogos 2024 dengan fokus khusus kepada penerapan kepintaran buatan atau AI dalam perkhidmatan perpustakaan. Sesi ini membincangkan bagaimana teknologi seperti AI dapat membantu pustakawan menyesuaikan perkhidmatan perpustakaan mengikut keperluan dan minat pengguna selain turut memudahkan pengurusan maklumat dalam perpustakaan.

Penganjuran PTPM kali ini mengangkat 10 sub-tema iaitu Teknologi Informatif dan Transformasi Digital, Perkhidmatan Berteraskan Pengguna dan Pengalaman Tersendiri, Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pendidikan Berterusan, Pemeliharaan Budaya dan Kepelbagaian, Komuniti dan Ruang Sosial, Kepimpinan Strategik dan Pengurusan Perubahan, Membuat Keputusan Berasaskan Data, Perkhidmatan Kolaboratif dan Jaringan Kerjasama, Model Ekonomi dan Strategi Pembiayaan, dan Pengurusan Harta Intelek dalam Era Digital.

Naib Canselor AIU, YBhg. Professor Dato' Ir. Dr. Mohd Salleh Jaafar, turut menegaskan dalam ucapan perasmianya bahawa perpustakaan perlu bergerak seiring dengan perubahan teknologi dan memahami keperluan generasi digital masa kini. Beliau menekankan bahawa kerjasama dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan komuniti kepustakawanan adalah kunci dalam memastikan perpustakaan dapat menyesuaikan diri dalam dunia yang semakin kompleks.




(<https://beritappm.wordpress.com/wp-content/uploads/2024/10/aiu-2.jpg>).

YBhg.  
Professor Dato'  
Ir. Dr. Mohd  
Salleh Jaafar  
sedang  
menyampaikan  
ucapan  
perasmian

PTPM 2024 turut menampilkan pameran teknologi perpustakaan terkini yang memberi peluang kepada para peserta untuk melihat produk dan perkhidmatan inovatif yang boleh membantu perpustakaan kekal sebagai pusat pengetahuan yang dinamik dan relevan.



Secara keseluruhannya, PTPM 2024 bukan sahaja memberikan inspirasi kepada para peserta untuk meneroka peluang baharu, tetapi juga mengukuhkan peranan perpustakaan sebagai hub komuniti yang sentiasa berkembang sesuai dengan perubahan zaman. Dengan tema dan perbincangan yang fokus kepada masa hadapan, persidangan ini berjaya mencapai matlamatnya dalam memperkasakan perpustakaan Malaysia menuju era digital yang lebih mencabar.



<https://beritappm.wordpress.com/wp-content/uploads/2024/10/aiu-1.jpg>

Peserta  
Persidangan  
Tahunan  
Perpustakaan  
Malaysia  
(PTPM) 2024.

**PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA OCTOBER 29, 2024 NOVEMBER 15, 2024**

